# PERTANDINGAN VIDEO PENDEK # MUHIBAH UTUSAN MALAYSIA/ UTUSAN ONLINE BERSAMA-SAMA PEGAWAI PENGURUSAN TERTINGGI JABATAN PENDIDIKANEGERI SARAWAK DAN PEGAWAI PENDIDIKAN DAERAH

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Pemangkin Fikiran Rakyat
UTUSAN MALAYSIA

ORANDO HOLDINGS

Utusan ONLINE

# Anjuran

- Utusan Malaysia  dan Utusan Online dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia

# Objektif

1. Menyemai dan memupuk semangat muhibah antara kaum
2. Memartabatkan Bahasa Melayu dan menepati ciri pembelajaran abad ke-21.
3. Elemen kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) diterapkan melalui penghasilan video.

# 1. Penyertaan

1. Warganegara Malaysia.
2. Terbuka kepada pelajar Sekolah Menengah bantuan kerajaan atau swasta.
3. Pertandingan bersifat bulanan yang menawarkan empat hadiah bulanan berjumlah keseluruhan RM 4000.00 atau RM 1000.00 setiap video pendek.

# 2. Format Pertandingan

1. Setiap penyertaan mestilah menepati tema yang diberikan iaitu **#muhibah.**
2. Penyertaan video pendek perlu disertakan:
   i. Tajuk video
   ii. Nama peserta (jika individu)
   iii. Nama setiap kumpulan (jika berkumpulan)
   iv. Nama dan alamat sekolah
   v. Nombor telefon sekolah
   vi. Tingkatan semasa peserta
   vii. Nama dan nombor telefon guru tingkatan
   viii. Nombor telefon peserta/ ibu bapa/ penjaga
   ix. Alamat emel
   x. Sinopsis di antara 100 hingga 150 patah perkataan
   xi. Penyertaan adalah dibenarkan dalam Bahasa Malaysia sahaja

# 3. Syarat Pertandingan

1. Pertandingan bulanan bermula pada setiap 1 haribulan dan diserahkan kepada penganjur pada setiap hujung bulan.
2. Pemenang akan diumumkan pada bulan berikutnya.
3. Penyertaan boleh dikemukakan secara individu/ kumpulan.
4. Video yang dihasilkan mesti patuh durasi yang ditetapkan iaitu selama 2 minit tidak termasuk kredit.
5. Setiap peserta boleh menghantar lebih dari satu penyertaan, tetapi setiap peserta hanya layak memenangi satu hadiah sahaja.

# 3. Syarat Pertandingan

6. Video pendek adalah merupakan hasil karya sendiri.
7. Karya yang diciplak adalah tidak dibenarkan.
8. Peserta boleh menggunakan peralatan merakan seperti perakam video dan telefon pintar.
9. Kos penyertaan pertandingan ditanggung oleh peserta.
10. Format video tidak ditetapkan.
11. Setiap penyertaan hendaklah dimuat naik ke www.muhibah.my

# 4. Kriteria Penghakiman

1. Keseluruhan video pendek akan dinilai mengikut kriteria dan pecahan skema permarkahan seperti berikut:
    i. Video pendek 2 minit
    ii. Sinopsis 100 hingga 150 patah perkataan
    iii. Hasil pembelajaran yang positif/ inspirasi sosial yang positif

# 4. Kriteria Penghakiman

## 4.1 Penjurian video:

| 1.<br>(20 Markah) | Keunikan idea dan gagasan (KREATIVITI) |
|---|---|
| | - Tidak memiliki kecenderungan terikut-ikut.<br>- Idea baru sukar dicipta. Ia mungkin bersifat pengulangan/ pengukuhan, adapatasi, modifikasi pelajar kreatif dapat mengaitkan dengan Sukan SEA baru-baru ini.<br>- Contoh persahabatan yang padu sehingga ke satu tahap ekstrem. Bukan sekadar *cliché* minum-minum di kedai, bergotong royong atau belajar berkumpulan.<br>- Plagiarisme perlu ditapis. |

# 4. Kriteria Penghakiman

## 4.1 Penjurian video:

| 2.<br>(20 Markah) | Isi kandungan (content)/ pesanan isi (KRITIS) |
|---|---|
| | 1. Bagaimanakah pelajar mendefinisikan muhibah<br>2. Bagaimanakah pelajar mendiagnosis muhibah<br>3. Bagaimanakah pelajar meletakkan nilai moral kepada isu yang hendak ditonjolkan<br>4. Bagaimana pelajar menyajikan cadangan penyelesaian masalah Muhibahdilihat dari perspektif drama sosial – menolong yang lemah, memperjuang keadilan kepada yang berhak, toleransi sesama kaum, aksi-aksi menjurus kepada kebaikan dan nilai murni, serta elemen lain yang digali menjadi kisah berinspirasi. Elemen politik perlu ditapis. |

# 4. Kriteria Penghakiman

## 4.2 Penjurian video:

| 3.<br>(20 Markah) | Skrip/ papan cerita |
| --- | --- |
| | Skrip/ papan cerita yang kuat akan menghasilkan jalan cerita yang memenuhi elemen video, audio dan kinestatik (VAK). Teknik dan kreativiti akan diperhalusi dan dinilai.<br><br>Selain itu, peserta perlu sedar bahawa tempoh filem adalah pendek (maksimun 2 minit). Justeru, peserta perlu memikirkan dan membuat pembahagian waktu supaya bahagian – adegan yang lazim, iaitu pembuka, isi dan penutup filem, ditangani mengikut pengagihan yang betul mengikut selera. |

# 4. Kriteria Penghakiman

## 4.1 Penjurian video:

| 4.<br>(20 Markah) | Kelengkapan teknikal |
|---|---|
| | Kelengkapan teknikal seperti kesan khas (fx), grafik, voice over, suara latar, muzik latardan sebagainya) dan in-sync dengan sinopsis – Merupakan gagasan semua perkara 1,2 dan 3 di atas. |

| 5.<br>(20 Markah) | Inisiatif |
|---|---|
| | Inisiatif ketika pembikinan video. Contohnya kajian perpustakaan, temu duga dan sebagainya. |

# 4. Kriteria Penghakiman

4.3 Bagi teks synopsis video, skor yang digunakan berdasarkan keepada NADA mengikut garis panduan FRAMING, iaitu:

1. Sangat Muhibah
2. Muhibah
3. Agak Muhibah
4. Tidak Muhibah

# 4. Kriteria Penghakiman

4.4 Keputusan Hakim adalah muktamad dan sebarang perbincangan atau surat-menyurat tidak akan dilayan.

4.5 Semua video penyertaan yang diterima oleh pihak urusetia menjadi hakmilik urusetia dan urusetia boleh menggunakan video-video penyertaan tersebut untuk apa-apa tujuan.

# 5. Senarai Hadiah Pemenang

Pemenang-pemenang akan menerima hadiah dan pengiktirafan seperti berikut:

i. Empat (4) hadiah tempat pertama bulanan iaitu wang tunai RM1,000.00 dan sijil penyertaan.
ii. Setiap pemenang akan dipilih daripada setiap Bangsa Malaysia berketurunan Melayu, Cina, India/ Sikh dan mana-mana salah satu kaum etnik warganegara Malaysia.
iii. Sijil penghargaan kepada setiap penyertaan.
iv. Tiada pemenang tempat kedua, ketiga atau sagu hati.

# 6. Penolakan Penyertaan

6.1 Urusetia berhak menolak sebarang penyertaan yang melanggar peraturan dan mengubah sebarang syarat yang dirasakan perlu dari semasa ke semasa.

# 7. Tarikh Tutup Penyertaan

7.1 Semua penyertaan hendaklah dikemukakan kepada pihak urusetia selewat-lewatnya pada setiap hujung bulan, sebelum jam 12 tengah malam.

7.2 Penyertaan yang diterima selepas tarikh penutupan akan ditolak.

# 8. Pertanyaan

8.1 Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi:

**Urusetia Pertandingan Video Pendek #Muhibah**

Nombor untuk dihubungi:

03-92324428/ 03-92324430/ 01119472064

hazura.halil@utusan.com.my

rahman.razali@utusan.com.my

hazwan.hairul@utusan.com.my

masyanti@utusan.com.my